

BAB II

BIOGRAFI PENGARANG TAFSIR *AL-FURQĀN* DAN TAFSIR *AL-IBRĪZ*

2.0 Pengenalan

Mengenali biografi tokoh-tokoh intelektual Nusantara adalah merupakan hal yang sangat digalakkan supaya semangat dan kegigihan mereka boleh dijadikan contoh oleh generasi akan datang. Sesuatu yang amat menyediakan apabila para tokoh Nusantara yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing banyak dilupakan dan karya-karya mereka tidak diminati untuk dikaji, padahal itu adalah merupakan kekayaan ilmiah yang dimiliki oleh masyarakat Muslim Nusantara.

A. Hassan dan KH. Bisri Mustofa adalah dua tokoh Nusantara yang perlu diperkenalkan asal-usulnya, perjuangan dan kegigihannya dalam mencari ilmu kepada orang ramai sama ada ahli akademik maupun bukan ahli akademik dengan tujuan mencetuskan semangat kedua-dua tokoh tersebut dan menonjolkan karya mereka sebagai pengiktirafan kepada usaha yang amat mulia yang telah dilakukan oleh mereka.

Dalam format penulisan, pengkaji selalu mengetengahkan A. Hassan kerana beliau adalah merupakan generasi *mufassir* yang hidup sebelum KH. Bisri Mustofa¹. Adapun perincian biografi tersebut adalah sebagaimana berikut:

¹ KH. Adalah kepanjangan dari Kiayai dan Hajji, ia merupakan gelaran yang menjadi tradisi kepada tokoh yang dianggap alim di daerah Jawa Tengah, Jawa Timur dan sekitarnya. Sebutan gelaran ini berubah-rubah mengikut daerah di mana tokoh itu dilahirkan, di Sunda disebut *Ajengan*, di Sumatera Barat disebut *Buya*, di daerah Aceh dikenal dengan sebutan *Teungku*, di Sulawesi Selatan dipanggil *Tofanrita*, di Lombok disebut *Tuan Guru*, sedangkan di Malaysia disebut *Tok Guru*. Penulis menyertakan gelaran tersebut mengikut penulisan yang terdapat di dalam buku-buku yang membabitkan namanya. Lihat: Hartono Ahmad Jaiz (2001), *Bila Kyai Dipertuhankan, Membedah Sikap Beragama NU*, Jakarta: CV. Pustaka Al-Kautsar h. 30

2.1 BIOGRAFI A. HASSAN

Nama sebenar A. Hassan adalah Hassan bin Ahmad. Mendahulukan nama Ahmad-iaitu nama Ayah kepada Hassan- adalah merupakan sebuah adat bagi keturunan India di Singapura. Oleh kerana kebiasaan tersebut, maka Hassan bin Ahmad dikenali dengan panggilan Ahmad Hassan.²

Dia dilahirkan di Singapura pada tahun 1887 M, berasal dari keluarga campuran Indonesia dan India. Ayahnya bernama Ahmad atau Sinna Vappu Maricar, seorang penulis yang cukup ahli dalam bidang agama Islam dan kesusasteraan Tamil. Ahmad bekerja sebagai peniaga. Dalam dunia jurnalistik dia pernah menjadi penaung akhbar *Nūr al-Islām*, ia juga banyak menulis beberapa kitab dalam bahasa Tamil dan beberapa terjemahan dari bahasa Arab.

Manakala ibunya pula bernama Muznah berasal dari Palekat (Madras). Ibu dan ayahnya melangsungkan perkahwinan di Surabaya Indonesia. Selepas berkahwin mereka berhijrah ke Singapura iaitu tempat lahirnya Hassan bin Ahmad yang kemudiannya lebih dikenali dengan A. Hassan.³

2.1.1 Menuntut Ilmu

A.Hassan mempelajari al-Qur'an dan pendidikan agama Islam bermula sejak beliau berumur 7 tahun. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di sekolah Melayu. Di sana beliau mula mempelajari bahasa Arab, Melayu, Tamil dan Inggeris. Walau bagaimanapun, beliau tidak menghabiskan pengajiannya tersebut iaitu sehingga darjah empat sahaja di

² Dadan Wildan (1997), *Hayat dan Perjuangan Lima Tokoh Persis*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, h. 20.

³ *Ibid.*, h. 20.

Sekolah Dasar *English Elementary School*. Kecekalannya dalam menuntut ilmu banyak didapati dengan cara rajin membaca dan juga daripada ayahnya sendiri yang memiliki kelebihan dalam bidang agama Islam dan kesusteraan Tamil. Dan itu sebenarnya yang menjadi inspirasi dan berperanan penting dalam menjadikan Hassan seorang tokoh yang berkebolehan dalam pelbagai disiplin ilmu agama seperti Hadith, Tafsir, *Fiqh*, dan Ilmu Kalam. Manakala ilmu nahu saraf pula mula dipelajari dari Muhammad Thaib cikgu terkenal di Minto Road. Oleh kerana kemahuannya yang kuat untuk mempelajari ilmu nahu saraf, A. Hassan tidak keberatan untuk datang setiap hari sebelum subuh. Setelah kira-kira dalam empat bulan belajar ilmu tersebut, A. Hassan masih tidak berasa puas hati dengan metode pengajaran cikgu Muhammad Thaib yang hanya menumpukan kepada model hafalan, maka beliau pun mempelajari lagi bahasa Arab dari Sa'īd Abd. Allah al-Mūsāwī selama tiga tahun. Dan di antara guru-gurunya yang lain adalah bapa saudaranya sendiri iaitu Abdul Latif (seorang ulama terkenal di Melaka dan Singapura), Shaykh Hasan al-Malībārī ('Ālim berasal dari Malabar), Shaykh Ibrāhīm ('Ālim berasal dari India).⁴

2.1.2 Pekerjaan

Kecekalannya mencari nafkah perlu dijadikan contoh. Sejak zaman kanak-kanak lagi beliau sudah membantu ayahnya dalam perniagaan. Pada usia 12 tahun, A. Hassan sudah bermula bekerja, menjaga kedai milik iparnya, Sulaiman. Sambil bekerja beliau turut menyempatkan dirinya menuntut dan mendalami ilmu agamanya daripada Hj. Ahmad di Bukittiuang. A. Hassan mula bermula sendiri dengan menjual permata, minyak wangi, ais, dan membuka kedai tayar kereta. Selain itu, beliau juga berpengalaman menjadi kakitangan

⁴ *Ibid.*, h. 21.

di *Jiddah Pilgrim's Office*, sebuah pejabat yang didirikan oleh Mansfield dan Assegaf yang menguruskan perjalanan haji.

Selain pekerjaan yang berorientasikan komersial seperti yang telah disebut di atas, beliau juga mempunyai pengalaman pekerjaan dalam dunia pendidikan. Bermula pada tahun 1910-1913 beliau mengajar secara sambilan di Madrasah komuniti orang-orang India, kemudian menjadi guru tetap menggantikan Fadlullah Suhaimi di Madrasah Assegaf. Pada tahun 1912-1916 beliau menceburkan dirinya dalam dunia akhbar dalam membantu “*Utusan Melayu*” menghasilkan sebuah Jurnal yang diterbitkan oleh Singapura Press Pimpinan Inche Hamid dan Sa’dullah Khan. Di sinilah A. Hassan mula menulis dan mencurahkan pemikiran-pemikirannya. Prinsipnya yang radikal mulai nampak dalam tulisannya ketika menentang keras terhadap Kadi yang memeriksa perkara dan mengumpulkan laki-laki dan perempuan di tempat duduk yang sama.⁵

2.1.3 Keluarga dan Keperibadian

Pada tahun 1911 Hassan berkahwin dengan dara berdarah Tamil-Melayu bernama Maryam dari keluarga yang berlatar belakang peniaga dan taat beragama. Dari perkahwinannya itu, Hassan dikurniakan tujuh zuriat, mereka adalah Abdul Qadir, Jamilah, Abd. Hakim, Zulaikha, Ahmad, M. Saed, dan Mansyur.⁶

Sebagai seorang yang tegas dan radikal dalam pemikirannya, mungkin banyak yang menganggap bahawa A. Hassan adalah seorang yang garang. Akan tetapi anggapan tersebut terhapus dengan pergaulannya yang ternyata sangat lembut, berbudi bahasa dan berakhlik

⁵ Herry Mohammad *et al.* (2006), *Tokoh-Tokoh Islam Yang Berpengaruh Abad 20*. Jakarta: Gema Insani Press h. 15.

⁶ Mastuki HS *et al.* (2003), *Intelektualisme Pesantren, Potret Tokoh dan Cakrawala Pemikiran di Era Keemasan Pesantren*. Jakarta: Diva Pustaka, h. 188.

mulia, ramah, suka berjenaka dan pandai memikat hati anak-anak muda di sekelilingnya jika diperhatikan. Apabila memanggil seseorang beliau selalu menggunakan perkataan “Tuan”. Selain itu, beliau juga seorang yang kemas dan amat segak dalam berpakaian. Ini kerana beliau selalu memakai sarung dari kain pelekat (Madras) dan kot putih tutup leher, songkok hitam, dan kasut. Sampai akhir hayatnya beliau tidak pernah menukar cara berpakaian tersebut. Justeru dalam semua keadaan, ketika perjalanan dan dalam menghadiri sebarang majlis, beliau tetap konsisten dengan gaya seperti itu.⁷

2.1.4 Pendirian

Tālib Rajab ‘Alī, Abdurrahman, Jailani dan ayahnya sendiri Ahmad adalah empat tokoh yang dikenali sebagai ulama *tajdīd* yang amat menentang *taqlīn*, melafazkan kalimah *usallī* dalam niat solat dan tahlil. Mereka inilah yang menjadi inspirasi dan mempengaruhi pemikiran Hassan. Begitu juga dengan jurnal *al-Manār*⁸ yang diterbitkan di Mesir antara bahan bacaan yang selalu dibaca oleh A. Hassan, ditambah lagi dengan buku “*kafā’ah*” karya Ahmad Surkati yang mengeluarkan fatwa bahawa orang Muslim dan Muslimah boleh berkahwin tanpa memandang golongan dan darjat.⁹ Semua keadaan di atas membentuk Hassan menjadi seorang *Mujaddid* yang menentang keras amalan *bid’ah*, *khurāfāt*, dan *taqlīd* yang berlaku di kalangan masyarakat.

⁷ Dadan Wildan (1997), *op.cit.*, h. 25.

⁸ Majalah *al-Manār* penerbitannya dipelopori oleh tokoh reformis Mesir Muḥammad ‘Abduh dan anak muridnya Muhammad Rashid Rida yang memuatkan tulisan-tulisan tentang pembaharuan Islam. Kedatangannya telah memberikan impak besar terhadap kesedaran masyarakat Muslim yang dibelenggu akibat kejahanan hasil kongkongan penjajah. Kemunculan *al-Manār* kemudian menjadi inspirasi kepada terbitnya Majalah Islah di Nusantara seperti al-Imam yang diterbitkan pertama kali di Singapura pada 2 Julai 1906, al-Munīr yang diterbitkan pertama kali pada 1 April 1911 di Padang Panjang Sumatera Barat. Lihat Dr. Mustaffa Abdullah (2008), “Pengaruh Reformis Mesir dan Kesannya Terhadap Perkembangan Penulisan Karya-karya Tafsir di Nusantara” (Kertas Kerja Seminar Warisan al-Qur'an dan al-Hadith Nusantara di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 27-28 Ogos 2008), h. x

⁹ Syafiq A. Mughni (1994), *HASSAN BANDUNG Pemikir Islam Radikal*. Surabaya: PT. Bina Ilmu, h. 20.

Pada tahun 1921, A. Hassan pindah ke Surabaya dengan niat mencari nafkah menerusi pengelolaan kedai tenun milik bapa saudaranya. Ketika beliau bermukim di Surabaya, A. Hassan mengadakan pertemuan dengan KH. A.Wahab Hasbullah iaitu salah satu tokoh NU,¹⁰ KH. A. Wahab menceritakan bahawa salah satu punca pertikaian antara kaum tua dan kaum muda adalah masalah melafazkan “*usalli*” dalam solat, yang merupakan tradisi dalam kalangan NU.¹¹ Kaum muda mengatakan bahawa kata “*usaalli*” tidak ada dasar hukumnya dan ia juga bukan merupakan sunah. Di sini Hassan diuji keilmuannya dan hala tuju jalur arah pemikirannya. Ketika KH. A. Wahab menanyakan hukum “*usalli*”, Hassan menjawabnya bahawa ia adalah sunnah, akan tetapi KH. A. Wahab tidak puas hati dengan jawapannya yang sederhana itu, lalu beliau diminta untuk mencari alasan dan dalilnya. Dari sini Hassan mula melakukan penyelidikan, sejurus sampai di rumahnya, beliau terus mencari dalil berkenaan dengan persoalan “*usalli*”, dan ternyata Hassan tidak menemukan dalil yang mengatakan bahawa melafazkan *usalli* dalam niat solat adalah sunnah sama ada dalam dalil al-Qur'an atau Sunnah.¹²

Selain itu, pengaruh pergaulan semasa di Surabaya membuatnya bertambah semangat memperjuangkan *tajdid* ketika mana beliau berkenalan dengan H.O.S Tjokroaminoto,¹³ tokoh terkemuka islah menerusi pertubuhan syarikat Islam yang dipimpinnya.

¹⁰ Dia adalah salah seorang pengasas NU, lahir di Jombang pada bulan Mac tahun 1888, mempelajari agama di pondok pesantren Tambakrejo dan Tebuireng. Menjadi guru agama di sekolah Tashwirul Afkar dan Nahdlatul Wathan di Surabaya, sampai akhir hayatnya iaitu pada tarikh 29 Disember 1971 dan beliau masih lagi menjawat jawatan sebagai Rois ‘Am NU ketika itu. Lihat: *Ibid.*, h. 38.

¹¹ NU adalah kependekan dari Nahdatul Ulama, organisasi tersebesar di Indonesia yang bercirikan tradisionalis. Secara terperinci tentang sejarah ditubuhkan NU akan di bahas dalam bab IV

¹² *Ibid.*, h. 16.

¹³ Tokoh besar ini mempunyai nama sebenar; Hadji Oemar Said Tjokroaminoto dilahirkan di Ponorogo, Indonesia pada 6 Ogos 1882 dan meninggal dunia pada 17 Disember 1934 dan dimakamkan di Yogyakarta. Beliau adalah anak kedua dari 12 orang adik-beradik. Ayahnya bernama R.M. Tjokroamiseno, salah seorang kakitangan pemerintahan pada ketika itu. dengan Sarekat Islamnya pada tahun 1916 di Bandung pada saat kongres Nasional Central Sarekat Islam tersebut, HOS Cokroaminoto memperkenalkan paradigma

Pada tahun 1924, A. Hassan pergi ke Bandung dengan tujuan belajar penenunan. Pertemuannya dengan H.M. Yunus salah seorang pengasas Persis di Bandung membuatnya tertarik untuk bergabung dengan organisasi tersebut dan secara rasmi menjadi anggota pada tahun 1926 kerana ajaran-ajaran PERSIS yang menyokong idea-idea *tajdīd* dan berjuang membanteras *bid'ah* dan *khurāfāt*.¹⁴

2.1.5 A. Hassan dan PERSIS

Persatuan Islam atau dikenali dengan nama PERSIS adalah salah satu pertubuhan yang bergerak dalam bidang kempen pembaharuan Islam, yang pada awal kedatangannya banyak ditentang oleh Masyarakat kerana visi dan misinya yang radikal membanteras amalan ibadah yang dianggapnya bidaah.

Persis pada mulanya tertubuh dengan kelompok tadarus (pengajian agama Islam secara berkelompok) yang berjumlah sekitar 20 orang di kota Bandung yang dipimpin oleh Haji Zamzam dan Haji Muhammad Yunus.¹⁵ Setelah mengkaji dan menelaah ajaran-ajaran

nasionalisme untuk membela dan membangun Nusantara. Selain itu, beliau mendeklarasikan pemerintahan sendiri untuk bangsa Indonesia dan tidak mengakui nama Hindia Belanda yang diberikan oleh Belanda untuk Nusantara. Sebagai bangsa timur, beliau lebih bangga menyebut Indonesia dengan “Hindia”. Kedekatannya dengan Soekarno bukan hanya setakat dalam dunia politik, akan tetapi beliau adalah bapa mertua kepada Soekarno. Lawat laman web: <http://www.duniaesai.com/sejarah/sejarah8.html>, 16 Januari 2008

¹⁴ Syafiq A. Mughni (1994), *op.cit.*, h. 19.

¹⁵ Haji Zamzam (1984 -1952) menghabiskan waktu selama tiga tahun untuk mendalami pengetahuan agama Islam di Lembaga Dār al-‘Ulūm. Setelah kembali dari Mekah, beliau menjadi guru di Darul Muta’alim, sebuah sekolah agama di Bandung. Beliau mempunyai hubungan rapat dengan Sheikh Ahmad Sukarti dari al-Irsyad di Jakarta. <http://www.suara-islam.com/html>, 11 Januari 2008

Sedangkan Muhammad Yunus lahir di desa Sungayang, Batusangkar, Sumatera Barat, hari Sabtu 10 Februari 1899. Keluarganya adalah tokoh agama yang cukup terkemuka. Ayahnya bernama Yunus bin Incek menjadi pengajar surau yang dikelola sendiri. Ibundanya bernama Hafsah binti Imam Samiun merupakan anak Engku Gadang M Tahir bin Ali, pengasas serta pengasuh surau di wilayah itu.

Sejak kecil, Mahmud Yunus dididik dalam lingkungan agama. Beliau tidak pernah masuk ke sekolah formal. Ketika menginjak usia tujuh tahun (1906), Mahmud mulai belajar al-Quran serta ibadah lainnya. Gurunya adalah datuknya sendiri. Mahmud sempat selama tiga tahun menimba ilmu di sekolah desa, tahun 1908. Namun ketika duduk di kelas empat, beliau merasa tidak selesa kerana pelajaran kelas sebelumnya sering diulangi. Lalu beliau pun memutuskan untuk berpindah ke madrasah yang berada di Surau Tanjung Pauh bernama Madras School, asuhan HM Thaib Umar, seorang tokoh pembaharu Islam di Minangkabau. Pada tahun 1924 cita-citanya tercapai untuk menyambung pengajiannya di Universiti al-Azhar Kaherah. Di sana dia mempelajari ilmu *usūl fiqh*, ilmu tafsir, *fiqh* Hanafi dan sebagainya. Mahmud Yunus seorang murid yang cergas. Hanya dalam tempoh setahun, dia berjaya mendapatkan *Shahādah Ālimiyah* dari al-Azhar. Tahun 1982, dia memperoleh gelar doktor kehormat di bidang ilmu Tarbiah dari IAIN Jakarta atas karya-karyanya

Islam dengan mendalam, mereka sedar akan bahaya keterbelakangan, kejumudan, penutupan pintu ijtihad, *taglīd* dan bid'ah. Mereka kemudiannya cuba melakukan gerakan tajdid dan pemurnian ajaran Islam dari fahaman-fahaman yang sesat dan menyesatkan. Kesedaran akan kehidupan berjemaah, berimamah, dan berimarah dalam menyebarkan ajaran Islam, menimbulkan semangat pada kelompok tadarus ini untuk mendirikan sebuah organisasi baru. Pada 12 September 1923, kelompok tadarus ini secara rasmi mendirikan organisasi yang diberi nama “Persatuan Islam” (Persis), maksud daripada penamaan tersebut untuk mengarahkan *rūḥ al-Ijtihād Wa al-Jihād*; berusaha mencapai harapan dan cita-cita yang sesuai dengan kehendak organisasi iaitu Persatuan Pemikiran Islam, Persatuan Rasa Islam, Persatuan Suara Islam, Dan Persatuan Usaha Islam.¹⁶

Misi utama Persis memfokuskan kepada penyebaran dalam memahami al-Qur'an dan al-Sunah. Jadi untuk menyampaikan misi tersebut, pelbagai aktiviti dilakukan seperti ceramah, belajar berkumpulan, mendirikan pesantren, menerbitkan jurnal dan kitab-kitab. Dalam bidang pendidikan, pada tahun 1924 Persis telah menyelenggarakan pendidikan akidah dan ibadah bagi orang dewasa, dan pada tahun 1927 pula didirikan lembaga pendidikan kanak-kanak dan *Hollend Inlandesch School* di bawah pimpinan Mohammad Natsir. Manakala dalam bidang penerbitan pula, Persis banyak menerbitkan buku-buku dan jurnal seperti jurnal Pembela Islam (1929), jurnal al-Fatwa (1931), jurnal al-Lisan (1935),¹⁷

dan jasanya dalam pengembangan pendidikan Islam di Indonesia. Sepanjang hidupnya, Mahmud menulis tidak kurang dari 43 buku. Pada tahun 1982 Mahmud Yunus meninggal dunia. <http://luluvikar.wordpress.com/biografi-mahmud-yunus.html>, 01/02/2008.

¹⁶ Qanun Asasi Persatuan Islam (1968), Bandung: Pusat Pimpinan Persatuan Islam, h. 13.

¹⁷ al-Lisan adalah merupakan jurnal kontroversi. Banyak memuatkan kritikan-kritikan panas yang ditujukan kepada individu tertentu seperti ketika menghentam Hamka dalam beberapa terbitannya. Bahkan ada satu edisi khas menghentam peribadi Hamka. Disebutkan “...di waktu maulana Hamka, imam al-Muqallidin wa rasul al-Muḍhababīn hasil propagandanya telah dijadikan Muslim di Indonesia sebagai Muqallidīn yang turut bersamanya, maka timbullah persatuan hamqa' yang dipimpin oleh Humaqa'. Lihat; al-Lisan Madjallah Boelanan (1938 M.), Bandung: Persatuan Islam bahagian pustaka, bil. 30, h. 30. Tulisan Hamka dalam jurnal Pedoman Masyarakat telah menimbulkan reaksi panas dari al-Lisan seperti yang tertulis “...Tuan Hamka terdiri dari golongan orang-orang yang yaquluna mala yaf'alun...tuan hantam kawan tetapi tuan mrngatakan; kita tidak mahu tinggalkan kawan; lain ucapan lain perbuatan!...ini satu dusta besar, dan tuan

jurnal al-Taqwa (1937), jurnal Aliran Islam (1948) dan jurnal Risalah (1962) yang terakhir penerbitannya dan berterusan sehingga hari ini.¹⁸

Tidak boleh dinafikan bahawa Persis dikembangkan oleh A. Hassan. Beliau membawa Persis menjadi gerakan *islāh*. Ini kerana beliau sedar bahawa pemikirannya mesti dituangkan dalam sebuah gerakan agar boleh berkembang dengan efektif, maka nampaklah gabungan antara watak A. Hassan yang tajam dalam pemikiran dan juga sifat Persis yang keras. Hasilnya, terbentuk lah sebuah gerakan tajdid yang kian meluas. Beliau juga telah membawa Persis menjadi organisasi pembaharu yang terkenal tegas dalam masalah-masalah *fīqhīyyah*. Persis tampil dengan corak dan warna baru dalam gerakan pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia. Fikrah A. Hassan di Persis selari dengan “program jihad” *jam’iyah* Persis yang menumpukan pada penyebaran cita-cita dan pemikirannya; iaitu menegakkan al-Qur'an dan Sunnah.¹⁹ Tulisan-tulisan A. Hassan yang dimuat dalam jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh Persis menunjukkan keluasan penyebaran pemikiran A. Hassan yang selari dengan pemikiran Persis. Apatah lagi, buku-buku dan jurnal-jurnal ini sering dijadikan rujukan oleh para penceramah Persis. Oleh kerana peranan A. Hassan yang besar di Persis yang dimulai pada awal penglibatannya di kota Bandung, maka A. Hassan selanjutnya di kenal dengan gelaran A. Hassan Bandung.

Hamka adalah pendusta!. *Ibid*, h. 9. Dalam al-Lisān juga disebutkan "...maka kami mahu menunjukkan bahawa tuan Hamka yang sompong itu lebih rendah dalam ilmu I'rabnya daripada orang yang dia cela itu...di sini saya mahu koreksi sedikit dan saya harap tuan Hamka mengaku kesalahannya dan jangan berlagak pintar kerana orang yang berlagak pintar padahal jahil itu memang lebih memalukan. *Ibid*, bil. 53, h. 26. Lain dengan jurnal Pembela Islam yang terbit sebelumnya, santun dan ilmiah. Dalam jurnal itu Hamka juga sebagai salah satu penulis dan beliau pernah menulis tentang “Cultur Indonesia”. Lihat Hamka (1931 M.), ‘Cultur Indonesia’, Jurnal Pembela Islam, bil. 25, 1931 M., h. 5

¹⁸ Dadan Wildan (1997), *op.cit.*, h. 11.

¹⁹ *Ibid*, h. 28.

2.1.6 Murid-Murid A. Hassan

A. Hassan adalah seorang penggerak “*haraki*” yang bertunjangkan semangat jihad dan dakwah, maka sudah tentu beliau mempersiapkan pelapis yang boleh meneruskan perjuangannya di kemudian hari, dengan cara mendekati para pemuda yang belajar di lembaga-lembaga milik pemerintah kolonial Belanda. Ini kerana beliau sedar bahawa para pelajar itu harapan bangsa pada masa akan datang dan mesti diberi bekalan ilmu-ilmu agama yang mantap, kerana pembelajaran di bawah didikan penjajah tidak akan sempurna apatah lagi dalam bidang agama.

Dengan kegigihan A. Hassan untuk mencapai matlamatnya itu, maka lahirlah tokoh-tokoh di bidang agama dan politik seperti, Mohammad Natsir.²⁰ Keberkesanan A. Hassan ke atas Mohammad Natsir dirasainya sendiri ketika beliau mengatakan “beliau tidak mahu menuapkan sesuatu ibarat makanan kepada kader-kadernya, tetapi mereka hendaklah melakukan sendiri dengan penuh tanggung jawab. Dalilnya bila seorang bayi selalu dipangku sahaja, dia tidak akan berjalan. Kalau beliau sudah menyetujui sesuatu, hendaklah kita sendiri menyelesaikannya. Beliau mendidik kadernya berani bertanggungjawab dan sanggup berjuang menghadapi masalah-masalah, walau bagaimanapun sukarnya. Inilah nilai yang baik bagi angkatan pemuda Islam. Kami pemuda-pemuda yang berada hampir dengan beliau selalu diperhatikan dengan disiplin yang ketat, dan diberi tanggungjawab masing-masing. Jika kami memajukan suatu masalah agama, beliau tidak menjawabnya

²⁰ Mohammad Natsir dilahirkan pada tarikh 17 Julai 1908 M. di Alahan Panjang, Minangkabau Sumatera Barat, dan wafat di Jakarta 1993 M., beliau adalah seorang negarawan Muslim, ulama intelektual, pembaharu dan ahli politik Muslim Indonesia yang berkenaan dan disegani. Beliau digelar Datuk Sinaro Panjang, ayahnya bernama Idris Intan Sari Podo, seorang pegawai pemerintah Belanda. Ibunya bernama Khotijah, keturunan suku Caniago. Beliau banyak mempelajari ilmu pengetahuan dari barat dan mempelajari filsafat Romawi, Yunani, dan Eropah serta sejarah peradaban Islam. Pada usia 21 tahun M. Natsir sudah boleh menguasai bahasa Belanda, Arab, Perancis, Inggeris, dan Latin. Semasa hidupnya beliau pernah menulis buku : 1. *Fiqh al-Da'wah*, 2. *Capital Selecta*, 3. *Kebudayaan Islam*, 4. *al- Dīn aw al-Lādīniyyah*.lihat: tulisan Yusril I Ihza Mahendra tentang pemikiran dan perjuangan Muhammad Natsir. Dalam Ensiklopedi Islam (2002) h.21

terus, sebaliknya kami disuruh mencari dalam kitab-kitab dari pelbagai bahasa terutama Arab dan Inggeris...” Mohammad Natsir selanjutnya mengisahkan salah satu contoh dalam proses ketenteraan yang dilakukan oleh A. Hassan, iaitu dalam hal melatih memberikan reaksi terhadap tentangan yang dilancarkan oleh kelompok bukan Islam. Pada suatu hari, akhbar berbahasa Belanda *Algemeen Indisch Dagblad* (AID) di Bandung menurunkan tulisan ceramah seorang pendeta bernama Christoffles yang isinya menghina nabi Muhammad saw. Mohammad Natsir meminta pandangannya tentang perlunya menangkis penghinaan itu, bahkan mengharapkan beliau untuk melakukannya. A. Hassan menyatakan keharusan itu, tetapi beliau mencadangkan agar Mohammad Natsir sendiri yang menulisnya. Setelah selesai, tulisan itu tidak diperlihatkan lagi kepadanya. Natsir menduga tulisannya itu akan dikembalikan lagi kerana A.Hassan tidak memahami bahasa Belanda. Setelah tulisan itu dimuat dalam akhbar AID, A. Hassan tersenyum dan menyatakan rasa terima kasihnya. Tulisan tersebut kemudian terbit dalam bentuk buku bertajuk “*Muhammad as Profeet*”.²¹

Beberapa murid lain hasil didikan A. Hassan yang kemudian menjadi tokoh dan ulama besar adalah K.H.M Isa Anshary yang pernah menjadi ketua umum pusat pimpinan Persis (1948-1960), ketua umum Masyumi Jawa Barat. K.H.E Abdurrahman, pemimpin Persis Bandung (1962-1983), pengasuh akhbar *al-Taqwā* dan *al-Risālah*. Di antara murid-muridnya yang lain adalah Ustaz Abdul Qadir Hassan -Putera sulung A. Hassan- yang kemudian meneruskan perjuangan ayahnya menjadi Pemimpin Persis Bangil, pengasuh akhbar al-Muslimun, K.H.O. Qomaruddin Saleh seorang pensyarah dan pernah menjadi Wakil Ketua Pusat Pimpinan Persis, K.H.M. Rusyad Nurdin salah seorang ulama terkenal dan pensyarah di beberapa pengajian tinggi, dan Fakhroeddin al-Khahiri, beliau adalah

²¹ Dadan Wildan (1997), *op.cit.*, h. 33.

cendekiawan Muslim teman seperjuangan Mohammad Natsir.²² Selain daripada mereka yang tersebut di atas, masih banyak lagi tokoh-tokoh dan ulama yang sekarang menjadi pendakwah dan guru terutama generasi angkatan pertama yang menjadi pelopor memperjuangkan tajdid dengan prinsip menegakkan ajaran Islam yang berorientasikan al-Qur'an dan Sunnah.

2.1.7 Hubungan A. Hassan dengan Ir. Soekarno

Boleh dikata bahawa A. Hassan adalah sebagai guru kerohanian kepada Soekarno yang menjadi presiden pertama Indonesia. Perkenalan kedua-dua tokoh ini dimulai ketika keduanya bertemu di percetakan *Drukerij Economy*, milik orang Cina di Bandung. Waktu itu, Soekarno sedang mencetak surat akhbar propaganda politiknya, *Fikiran Rakjat*, sedangkan A. Hassan mencetak jurnal-jurnal dan buku-buku yang diterbitkannya.²³ Melalui pertemuan itu, keduanya sering berdialog dalam pelbagai masalah agama, Soekarno amat terkesan dengan keilmuan yang dimiliki oleh A. Hassan. Ketika Soekarno menjalani hukuman pembuangan di Ende Flores yang dilakukan oleh Belanda, beliau selalu melakukan hubungan surat menyurat, dan A. Hassan sering mengirimkan buku-buku tentang Islam. Antara beberapa keberkesanan Soekarno dengan pemikiran A. Hassan ialah:

- (a) Pengakuan Soekarno sendiri yang menganggap bahawa A. Hassan adalah gurunya dalam bidang agama
- (b) Pada pandangan Soekarno bahawa Islam tidak mengenal aristokrasi Islam, hal itu terbukti dengan penolakkannya mengenai permasalahan "sayyid", pemikiran tersebut dikukuhkan oleh A. Hassan bahawa mengkeramatkan

²² Dadan Wildan (1997), *op.cit.*, h. 34.

²³ *Ibid.*, h. 35.

manusia dan *ghuluw* termasuk salah satu bentuk syirik

- (c) Melihat kondisi masyarakat Ende yang masih terbelenggu dengan Amalan-amalan bidaah, Soekarno tergerak untuk membentuk kelompok yang memperjuangkan menegakkan al-Qur'an dan Sunnah
- (d) Ketika ibu mertua Soekarno meninggal, beliau tidak melakukan *talqin* dan tahlil seperti kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat Ende²⁴

2.1.8 Perdebatan A. Hassan

Berdebat atau *jidāl* adalah merupakan amalan mulia apabila ianya dimaksudkan untuk mempertahankan kebenaran, itulah yang dimaksudkan dengan *jidāl mahmūdah* atau *jidāl ahsan* dalam al-Qur'an, sepetimana dalam firman-Nya:

وَلَا تُحَدِّلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالْقِتْلَى هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا
إِنَّمَا بِالَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْنَا وَأَنْزَلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدُّونَ نَحْنُ لَهُرُونَ

مُسْلِمُونَ

Yang bermaksud: *Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang zalim di antara mereka, dan Katakanlah: "Kami Telah beriman kepada (kitab-kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu; Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu; dan kami Hanya kepada-Nya berserah diri* (Surah al-'Ankabūt: 46)

²⁴ Keberkesanan Soekarno ini dapat dilihat dalam bukunya yang amat popular bertajuk "Di Bawah Bendera Revolusi" (1964), j.1, dalam satu bab khas, Surat-Surat Islam Dari Ende; Dari Ir. Soekarno kepada Tuan A. Hassan, Guru Persis, h. 325-344

Dan firman Allah:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَنِدْلُهُمْ بِالْتِقَى هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Yang bermaksud: *Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang sesiapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk* (al-Nahl: 125)

A. Hassan yang terkenal sebagai seorang ulama kontroversi tentunya banyak mendapat tantangan berupa tanggapan, bantahan, kritikan terhadap pandangan-pandangannya. Oleh itu beliau mesti bersiap sedia untuk mempertahankan pandangan yang dianggapnya benar. Perdebatan A. Hassan dengan lawan-lawannya berbentuk polemik dan debat terbuka. Polemik berkepanjangan telah terjadi antara dirinya dan Soekarno tentang kefahaman Islam dan kebangsaan.²⁵ Sebenarnya Soekarno tidak sendirian dalam polemik masalah kebangsaan begitu juga dengan A. Hassan yang menentangnya. Bermula pada tahun 1925 M. ketika HOS Cokroaminoto berpandangan bahawa Islam mengakui dan menyokong idea nasionalisme yang mengarah kepada sosialisme Islam, iaitu sosialisme yang mengangkat darjah dan nilai-nilai di bawah petunjuk Allah, melalui peraturan-peraturan yang diwahyukan kepada nabi Muhammad s.a.w., sedangkan Soekarno bermula

²⁵ Buku “Religion & Spirituality” karya Abu Adz Dzahabi menyajikan perdebatan argumentasi mengenai negara, hukum dan sekularisme antara dua tokoh besar. Iaitu Ahmad Hassan dan Soekarno, bekas presiden Republik Indonesia pertama. A. Hassan yang diakui sebagai guru oleh Soekarno telah memberikan pelajaran yang amat berharga kepada Soekarno. Ideologi kebangsaan baru menjadi perhatian serius saat Soekarno dan kawan-kawannya menubuhkan parti politik PNI (Parti Nasionalis Indonesia). Fahaman yang di sebarkan itu tidak hanya memperjuangkan kepentingan persatuan ke atas seluruh rakyat Indonesia, akan tetapi merintis kepada pemikiran-pemikiran sekular, iaitu mengehendaki terpisahnya urusan agama dari urusan pemerintahan. Soekarno mengehendaki pemisahan agama dari struktur pemerintahan serta bercermin kepada undang-undang Swiss dan Sekularisme Turki. Namun pandangan ini di bantah keras oleh sejumlah tokoh Islam termasuk di antaranya A. Hassan dan M Natsir yang sama-sama tidak mengehendaki adanya usaha yang memisahkan agama dari urusan pemerintahan. Sebab menurutnya, Islam memiliki nilai universal yang sempurna yang tidak dimiliki oleh sejumlah agama lain. Lihat Abu Adz Dzahabi (t.t) *Religion & Spirituality*, Jakarta: Pustaka Utama, h. 46

sekitar tahun 1930 M. mencetuskan idea nasionalisme. Beliau berusaha untuk menumbuhkan jiwa patriotisme bangsa Indonesia dengan mempropagandakan keindahan alam Indonesia. Demi menjaga persatuan beliau menekankan pentingnya pengabdian telus kepada tanah air dan meninggalkan kepentingan golongan. Persatuan Muslim Indonesia (PERMI),²⁶ di bawah pimpinan Mukhtar Luthfi menyokong idea kebangsaan ini. Menurutnya bahawa asas pergerakannya adalah Islam dan kebangsaan dan cinta tanah air adalah merupakan satu perasaan yang diberikan oleh Tuhan tidak kira sama ada seseorang itu bodoh atau pandai, dia tetap dilahirkan dengan perasaan cinta terhadap bangsanya. Cinta bangsa tidak dilarang oleh agama. Untuk menguatkan pandangannya, PERMI mengemukakan dalil al-Qur'an dan Hadīth. Ingatlah, kata Mukhtar Luthfi, ketika Nabi Muhammad hijrah ke Madinah, baginda berkata: "Cintaku terhadap Madinah sama dengan cintaku terhadap Mekah".²⁷ Dalam al-Qur'an juga disebutkan bahawa Islam memerintahkan agar kita sentiasa bergerak untuk kepentingan nasional seperti dalam firman Allah:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ
كَمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ كُفَّارٌ مِّنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينُهُمُ الَّذِي أَرَتَضَى لَهُمْ

²⁶ PERMI ditubuhkan pada tahun 1930. Pada peringkat awal, pertubuhan ini bergerak dalam bidang sosial, akan tetapi selepas dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1932, berubah menjadi satu organisasi politik yang radikal dan anti adat Minangkabau, bertentangan dengan PERSIS kerana menyokong fahaman kebangsaan. Lihat: H. Endang Saifuddin Anshari et.al (1405/1985), *Wajah dan Wijah Seorang Mujahid*, c.1, Bandung: Firma al-Muslimun, h. 21

²⁷ Hadīth tentang patriotisme amat banyak yang meriwayatkan, salah satunya terdapat dalam *Musannaf Abd. al-Razzāq* iaitu:

عن عبد الرزاق عن معمر عن الزهرى عن أبي سلمة قال وقف النبي صلى الله عليه وسلم على الحزورة فقال والله انك لخير أرض الله وأحب أرض الله إلى الله عز وجل
ولولا أن أخرجت منك ما نخرجت

Lihat: San'ānī Abu Bakar bin Abd. al-Razzāq bin Hammām al- (1403), *Musannaf Abd. al-Razzāq*, j. 5. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, , h. 27.

وَلَيَبْدِلَنَّهُم مِّنْ بَعْدِ حَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ

بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَسِقُونَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *Dan Allah Telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa dia benar-benar akan menjadikan mereka berkuasa di muka bumi, sepetimana dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang Telah diredayai-Nya untuk mereka, dan dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka dalam ketakutan menjadi aman. mereka tetap menyembah-Ku dengan tiada memperseketukan sesuatu apa pun dengan Aku. dan barang siapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, Maka mereka itulah orang-orang yang fasik.* (Surah al-Nur: 55)

Idea kebangsaan yang dicetuskan oleh Luthfi adalah idea kebangsaan di bawah sinar al-Qur'an dan tidak akan menghancurkan Islam. Hamka pun terlibat dalam polemik ini, awalnya beliau amat menentang fahaman kebangsaan, akan tetapi akhirnya merubah pendiriannya asalkan fahaman tersebut tidak bererti *chauvinisme*.²⁸ Melihat kenyataan di atas, terdapat dua konsep faham kebangsaan; *Pertama:* Nasionalisme sekular yang dicetuskan oleh Soekarno, *Kedua:* Nasionalisme Islam yang dicetuskan oleh HOS Cokroaminoto, Mukhtar Luthfi, lalu bagaimana dengan pandangan A. Hassan tentang fahaman kebangsaan? Dalam masalah ini, A Hassan lebih memandang kepada pentingnya penerapan sistem berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Sebenarnya, munculnya idea kebangsaan ini kerana pada masa pra kemerdekaan Negara Indonesia, para tokoh dan pergerakan-pergerakan yang memperjuangkan kemerdekaan mempunyai konsep masing-masing untuk membawa Indonesia pasca kemerdekaan nanti bersesuaian dengan visi dan misi pergerakan tersebut. Ada yang menginginkan supaya berdasarkan sekular, komunis,

²⁸ "Cauvinis" bersifat menunjukkan pendirian yang melampau dalam memperjuangkan kepentingan kaum, "cauvinisme" sikap setia kepada Negara yang keterlaluan. Lihat: *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 215

Islam dan lain-lain. Dalam kenyataannya setelah Indonesia merdeka dan Soekarno menjadi presiden beliau bersiap sedia membentuk negara dan masyarakat sekular dengan pemikirannya yang berpandukan ideologi Nasionalis, Agama, Komunis (Nasakom), dan undang-undang buatan manusia sebagai landasan hukumnya. Itulah yang ditentang oleh A. Hassan kerana tidak sesuai dengan ajaran Islam. Buku bertajuk “Islam dan Kebangsaan” karya A. Hassan pada bab satu beliau menjelaskan kewajipan mukminin menjalankan hukum-hukum Allah dan Rasul-Nya, kemudian menyenaraikan dalil-dalil al-Qur'an di antaranya firman Allah:

وَمَنْ لَمْ تَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَفِرُونَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “Barang siapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, Maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir.”
(Surah al-Māidah: 44)

وَمَنْ لَمْ تَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “Barang siapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, Maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.” (Surah al-Māidah: 45)

وَمَنْ لَمْ تَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَسِقُونَ ﴿٤٧﴾

Maksudnya: “Barang siapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, Maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik.” (Surah al-Māidah: 47)

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: “Apakah hukum Jahiliah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin?” (Surah al-Māidah: 50)

Setelah menjelaskan maksud daripada ayat-ayat di atas dan ayat-ayat lain yang dijadikan dalil, A. Hassan kemudiannya memberi kesimpulan sebagaimana berikut:

1. Kewajipan menjalankan hukum-hukum Allah dan RasulNya di dalam negara, bererti matlamat pergerakan dan organisasi, mestilah menuju kepada melaksanakan hukum-hukum Allah dan RasulNya.
2. Kewajipan untuk berhati-hati supaya tidak memalingkan seseorang daripada hukum Allah kepada undang-undang buatan manusia
3. Kewajipan berusaha menjauhkan hukum-hukum buatan manusia terutamanya dari Negara Islam
4. Mukmin sebenar ialah orang yang apabila diajak berasaskan firman Allah dan sabda Rasul, mereka mengikut dengan senang hati.²⁹

Lalu beliau mendedahkan konsep Islam dan fahaman kebangsaan. Menurutnya, seseorang tidak boleh mengorbankan jiwanya selain kerana Allah, dan orang yang mengorbankan jiwanya kerana bangsa dan tanah air adalah tergolong dari kalangan *aṣabiyyah*. Beberapa Hadīth yang dijadikan dalil adalah:

لَيْسَ مِنَ الظَّالِمِ مَنْ دَعَا إِلَىٰ عَصْبَيَةٍ وَلَيْسَ مِنَ الظَّالِمِ مَنْ قَاتَلَ عَلَىٰ عَصْبَيَةٍ وَلَيْسَ مِنَ الظَّالِمِ مَنْ مَاتَ عَلَىٰ عَصْبَيَةٍ³⁰

Ertinya: “Bukan termasuk golongan kami orang yang mengajak kepada taksub, bukan termasuk golongan kami orang yang berperang kerana golongan, bukan golongan kami orang yang mati kerana taasub terhadap golongan.”

²⁹ A. Hassan, (1984) *Islam dan Kebangsaan* c. 1, Bangil: Persatuan Islam Bahagian Penerbitan, h. 1-7

³⁰ Sajistāni, Abu Dāwūd bin Sulaymān al-‘Ath’ath al- (t.t) *Sunan Abū Dāwūd*, j.4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 332

Hadīth lain:

عن واثلة بن الأسعق سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم، أمن العصبية أن يحب الرجل

قومه؟ قال: لا، ولكن من العصبية أن ينصر الرجل قومه على الظلم³¹

Ertinya: “Dari Wāthilah bin al-Asqa’; Aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w., “Apakah seseorang yang mencintai kaumnya itu termasuk aşabiyyah? Rasulullah menjawab: Tidak; tetapi yang termasuk aşabiyyah adalah apabila seseorang menolong kaumnya dalam kezaliman.”

Oleh itu, umat Islam mesti melaksanakan hukum-hukum Allah dengan sebuah sistem pemerintahan yang berasaskan Islam. Maka, cinta bangsa dan tanah air bagi seseorang Muslim yang dibenarkan oleh A. Hassan, iaitu cinta yang diwujudkan dengan usaha dan bekerja keras agar kaum Muslimin maju dalam semua aspek kehidupan, seperti maju dalam pendidikan, ekonomi, teknologi serta memerintah negerinya sendiri dengan menggunakan piawaian hukum dan peraturan yang terdapat dalam al-Qur’ān dan Hadīth. Cita-cita pergerakan Islam, mengikut A. Hassan, akan dapat direalisasikan dengan tertubuhnya pemerintahan Islam. Pemilihan presiden dalam pemerintahan Islam (*Khalīfah*) boleh dilakukan melalui wakil-wakil rakyat yang dikenal dengan *Ahl al-Halli Wa al-‘Aqdi* atau dipilih langsung oleh rakyat tanpa perantara wakil-wakilnya.³² Kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa A. Hassan amat mengalu-alukan tertubuhnya sistem pemerintahan Islam (*khilāfah*).

³¹ Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Dāūd, hadith yang sama juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad. Hadith ini dinyatakan daif oleh Imam Nasā’i kerana dalam periyatannya terdapat nama ‘Abbād bin Kathīr al-Shāmī, dan Ibn Ma’īn. Lihat: Haythamī, ‘Alī bin Abī Bakr al- (1407 H.), *Majma’ al-Zawāid*, j.6. Kaherah: Dār al-Rayyān li al-Turāth, h. 244

³² A. Hassan (1984), *op.cit.*, h. 37

Dalam buku “*Pemerintahan Tjara Islam*” A. Hassan menghuraikan hubungan pemerintah Islam dengan rakyatnya yang memeluk agama lain. Penganut agama lain akan mendapatkan hak-haknya di antaranya:

1. Makan dan minum, kecuali minuman keras
2. Berpakaian menutup bahagian badan yang dipandang aurat oleh Islam
3. Menjalankan ibadah masing-masing
4. Mendirikan tempat-tempat ibadah
5. Menjalankan cara perkahwinan dan pembahagian harta pusaka mereka
6. Membuka tempat-tempat pendidikan bahasa, agama dengan cara mereka
7. Mendirikan mahkamah yang memutuskan perselisihan di antara mereka sendiri³³

Fikiran A. Hassan tentang fahaman kebangsaan ini adalah merupakan cerminan daripada sikap politiknya terhadap situasi politik di Indonesia pada waktu itu. Pemerintahan Islam baginya merupakan pilihan lain daripada faham kebangsaan yang dianggapnya sebagai tidak memberikan tempat bagi agama. Beliau menginginkan Islam memasuki seluruh aspek kehidupan manusia, sesuai dengan keyakinannya bahawa ajaran Islam adalah menyeluruh.

A. Hassan adalah seorang pemikir yang masa hidupnya sebahagian berada di alam penjajahan dan sebahagian lagi di alam demokrasi liberal. Keadaan saat itu amat memungkinkan tumbuhnya perbezaan pendapat, meskipun pada masalah dasar sekalipun contohnya dasar dan falsafah Negara serta undang-undang dasarnya. Dalam keadaan seperti itulah A. Hassan menyatakan kewajipan adanya pemerintahan yang berasaskan Islam.

³³ A. Hassan (1958), *Pemerintahan Tjara Islam*. Bangil: Persatuan Islam Bahagian Pustaka, h. 10

Adapun perdebatan beliau secara terbuka (*mujādalah*) telah banyak dilakukannya di antaranya dengan:

1. Ahmadiyyah Qadiyani, tajuk yang diperdebatkan adalah tentang kenabian Mirza Ghulam Ahmad, kematian nabi Isa , Wahyu dan sebagainya. Dari pihak Ahmadiyyah diwakili oleh Rahmat Ali dan Abu Bakar Ayyub tokoh Ahmadiyyah yang sengaja datang dari India. Debat ini dilakukan tiga kali; dua kali di Jakarta dan dua kali di Bandung pada tahun 1930
2. Kristian (Sevent Day Adventist), tentang kebenaran agama Kristian dan *Bible*. Debat ini dilakukan tiga kali secara terbuka dan beberapa kali secara tertutup.
3. Dengan NU, berkaitan dengan masalah *taqlīd* dan *bid'ah*. Perdebatan tentang hal ini banyak dilakukan; pada tahun 1932 M. di Cirebon dengan H. Abdul Khair, di Bandung pada tahun 1935 M. dengan KH. A. Wahab Hasbullah, dan di Gebang pada tahun 1936 M. dengan Masduqi
4. Atheis, iaitu seorang bernama M. Ahsan dari Malang. Perdebatan ini berlangsung di Gedung al-Irsyad Surabaya pada tahun 1955 M. Dalam perdebatan ini, M. Ahsan berada di pihak yang tidak mengakui adanya Tuhan dan A. Hassan di pihak yang mewajibkan adanya Tuhan.³⁴

Perdebatan-perdebatan di atas dianjurkan oleh Persis dan A. Hassan sebagai lambang organisasi Islam pertama yang mengadakannya di Indonesia pada abad XX. Perkara di atas sengaja dilakukan secara terbuka untuk mendedahkan kebenaran dan seterusnya dapat dinilai oleh orang ramai.

³⁴ Syafiq A. Mughni (1994), *op.cit.*, h. 82.

2.1.9 Hasil Karya

A. Hassan bukan hanya tokoh yang bijak berbicara, akan tetapi kehebatannya dalam menulis juga dapat dibuktikan melalui karya-karyanya yang kebanyakannya amat terkenal dalam Masyarakat. Sebanyak 80 buku dalam pelbagai bidang telah dihasilkannya, iaitu:

A. Bidang Tafsir

1. *al-Furqān Fī Tafsīr al-Qur'ān* (1931)
2. *Surah Yāsīn* (1951)
3. *al-Hidāyah* (Tafsir Juz 'Amma) (1937)

B. Bidang Hadith

1. *al-Jawāhir* (1950)
2. *Hafalan* (1940)

C. Bidang Tauhid

1. *Tauhid* (1959)
2. *al-Tauhīd* (bahasa Arab)
3. *Adakah Tuhan?* (1962)
4. *al-Nubuwah* (1941)
5. *Benarkah Muhammad itu Rasul?* (1931)
6. *Is Mohammad A True Propet?* (1951)

D. Bidang *Fiqh*

1. *Pengajaran Solat* (1930)
2. *Pengajaran Solat* (dengan tulisan Jawi) (1930)
3. *Bacaan Sembahyang* (1939)
4. *al-Manāsik* (1948)

5. *al-Farāid* (1949)
6. *Kitab Zakat* (1949)
7. *Risalah Hajji* (1954)
8. *Wajibkah Zakat?* (1955)
9. *Kitab Riba* (1932)
10. *Wajibkan Perempuan Berjum'at?* (1955)
11. *Risalah Kerudung* (1941)
12. *Soal Jawab* (1931)
13. *al-Burhān* (1931)
14. *Terjemah Bulughul Maram* (1959)

E. Bidang Sejarah

1. *al-Mukhtār* (1931)
2. *Sejarah Isra Mi'raj* (1949)

F. Bidang Bahasa

1. *Matan al-Jurūmiyyah* (1950)
2. *Kitab Tasrīf* (1951)
3. *First Step before Learning English* (1948)

G. Kamus

1. *Kamus Rampaiān* (1947)
2. *Kamus Persamaan* (1948)
3. *Special Dictionary* (1949)

H. Bidang Akhlak

1. *Kesopanan Tinggi* (1939)
2. *Kesopanan Islam* (1939)
3. *Hai Cucuku* (1941)
4. *al-Hikam* (1948)
5. *Pepatah* (1934)
6. *Sya'ir* (1953)

I. Bidang Tajwid

1. *Kitab Tajwid* (1950)

J. Aliran dan Pemikiran

1. *Bibel lawan Bibel* (1958)
2. *Benarkah Isa Disalib?* (1958)
3. *Isa dan Agamanya* (1958)
4. *Dosa-Dosa Yesus* (1966)
5. *Ketuhanan Yesus Menurut Bibel* (1939)
6. *Risalah Ahmadiyyah* (1932)
7. *Topeng Dajjal* (1955)

K. Bidang Politik

1. *A.B.C Politik* (1947)
2. *Pemerintahan cara Islam* (1947)
3. *Merebut Kekuasaan* (1947)
4. *Islam dan Kebangsaan* (1941)

L. Debat dalam Pelbagai Bidang

1. *Debat Luar Biasa* (1934)
2. *Debat Riba* (1931)
3. *Debat Talqin* (1932)
4. *Debat Taqlid* (1935)
5. *Debat Islam dan Kebangsaan* (1941)

M. Bidang -bidang lain

1. *Kitab Talqin* (1931)
2. *Risalah Jum'ah* (1931)
3. *Surat- surat Islam dari Endeh* (1937)
4. *Perempuan Islam di Dewan dan Podium* (1941)
5. *Tertawa* (1947)
6. *Belajar Membaca Huruf Arab* (1949)
7. *Risālah al-Fātiḥah* (1951)
8. *Pedoman Tahajji* (1951)
9. *al-Tahajjī* (1951)
10. *What is Islam?* (1951)
11. *Apa Dia Islam* (1952)
12. *Halalkah Bermazhab?* (1956)
13. *al-Mazhab* (1956)
14. *Qā'idah Ibtidāiyah* (1940)
15. *Ringkasan Islam* (1972)³⁵

³⁵ Syafiq A. Mughni (1994), *op.cit.*, h. 129.

Setelah 71 tahun lebih kurang dalam perjuangan, kota Bangil menjadi destinasi terakhirnya, dan sampai saat ini pondok pesantren yang dirintisnya masih lagi aktif dan mempunyai banyak cawangan di beberapa daerah seluruh Indonesia, dan kerana perjuangannya di kota tersebut beliau dikenali dengan gelaran “Hassan Bangil”. Pada 10 November 1958 beliau akhirnya dijemput menghadap Allah SWT.

2.2 BIOGRAFI KH. BISRI MUSTOFA

Bisri Mustofa lahir pada 1915 M. di Kampung Sawahan Rembang Jawa Tengah. Nama asalnya adalah Mashadi dan beliau merupakan anak sulung dari empat bersaudara kepada pasangan suami isteri yang bernama Hj. Zainal Mustofa dan Chodijah. Ayah Mashadi iaitu H. Zainal Mustofa adalah anak kepada Podjojo atau H. Yahya. Sebelum mendapat gelaran haji, Haji Zainal Mustofa bernama Djaja Ratiban yang kemudiannya terkenal dengan sebutan Djojo Mustopo. Beliau juga adalah seorang peniaga kaya dan bukan seorang ulama. Akan tetapi beliau merupakan orang yang amat mencintai ilmu dan ulama, di samping orang yang sangat dermawan. Manakala dari sebelah keluarga ibunya iaitu Chodijah, Mashadi mempunyai darah Makasar, kerana Chodijah merupakan anak dari pasangan Aminah dan E. Zajjadi yang berasal dari Makasar. Ayahnya bernama E. Sjamsuddin dan Ibu Datuk Djijah.³⁶

Pada tahun 1923 M Mashadi yang berusia 8 tahun pada waktu itu diajak oleh ayahnya untuk ikut bersama-sama sekeluarga menunaikan ibadah haji. Lalu ayahnya meninggal dunia di Mekkah kerana sakit.³⁷ Sejak pulang dari Mekah, Mashadi menggantikan namanya dengan Bisri yang selanjutnya dikenali dengan nama Bisri Mustofa.³⁸

2.2.1 Pendidikan

Sejak kembali ayahnya ke alam barzakh iaitu pada tahun 1923, Bisri Mustofa diasuh oleh bapa saudaranya H. Zuhdi. Beliau seorang yang mengambil berat hingga semua

³⁶ Achmad Zainal Huda (2005), *Mutiara Pesantren, Perjalanan Khidmah KH. Bisri Mustofa*. Yogyakarta: PT. LKiS Pelangi Aksara, h. 9.

³⁷ *Ibid.*, h. 10.

³⁸ Dalam kebiasaan masyarakat Jawa tradisional (NU), apabila seseorang telah melaksanakan ibadah haji maka dia akan menggantikan namanya, terutama bagi yang mempunyai nama sebelum menunaikan ibadah haji- bukan nama Arab.

keperluan hidupnya termasuk yuran pendidikan menjadi tanggungjawabnya. Kemudian H. Zuhdi mendaftarkan Bisri di Sekolah Ongko Loro. Di sekolah tersebut Bisri Mustafa menyelesaikan pendidikan formalnya selama tiga tahun dan mendapatkan sijil. Bisri Mustafa lahir dari keluarga yang berlatarbelakangkan masyarakat tradisional. Jadi, menjadi kebiasaan mereka lebih mementingkan pendidikan agama tidak formal berbanding pendidikan formal bahkan ketika Bisri Mustofa diterima di Sekolah HIS (*Holland Inslan School*). Salah satu pengasuh pondok pesantren di Rembang iaitu KH. Cholil dengan tegas melarangnya ke sekolah itu dengan alasan bahawa sekolah tersebut adalah milik penjajah Belanda, supaya beliau kemudiannya tidak terpengaruh dengan doktrin penjajah. Maka KH. Cholil menasihati H. Zuhdi untuk menarik diri daripada memasuki sekolah tersebut. Setelah menyelesaikan pengajiannya di Sekolah Ongko Loro, pada tahun 1926, Bisri dihantar untuk mengaji di Pondok Pesantren yang dipimpin oleh KH. Cholil. Di pondok tersebut, beliau menjadi pelajar cemerlang.³⁹

Pada tahun 1936 beliau berangkat ke Mekah dengan tujuan utama mendalami ilmu agama.⁴⁰ Di Mekah beliau mengaji secara *talaqqī*. Di antara guru-guru beliau di Mekah adalah Shaykh Baqir iaitu ulama yang berasal dari Yogyakarta. Bisri mempelajari kitab *Lub al-Uṣūl*, ‘Umdat al-Abraar, *tafsīr al-Kashshāf* daripadanya. Manakala dengan Shaykh ‘Umar Hamdān al-Maghribī beliau mempelajari *Saḥīḥ Bukhārī* dan *Saḥīḥ Muslim*. Dengan Shaykh ‘Alī Mālikī pula beliau mempelajari *al-Ashbāh wa al-Naẓāir* dan *al-Aqwāl al-Sunan ‘alā Sittah*. Selain itu, beliau juga mempelajari *Minhāj Dhawi al-Nazar* dengan Shaykh Hasan Mashshāt, dan *Tafsir al-Jalalayn* dengan Sayyid ‘Alwī al-Mālikī. Di

³⁹ Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 14.

⁴⁰ Ketika Bisri Mustofa pergi ke Mekah, beliau sudah menjadi menantu KH. Cholil, setelah setahun beliau belajar di Mekah, KH. Cholil memintanya agar cepat kembali ke Tanah Air, akan tetapi Bisri belum merasa cukup lagi mendalami ilmu agama. Setelah hampir dua tahun Bisri terpaksa kembali kerana KH. Cholil menghantarkan surat yang berisi ugutan jika tidak mahu kembali, maka Bisri tidak akan diakui sebagai anak dunia akhirat. Lihat: Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 17.

samping itu, beliau juga turut mempelajari *Ibn ‘Aqīl* dengan Sayyid Amīn dan *Jam’u al-Jawāmi* dengan KH. Abd. Allah al-Muhaimin.⁴¹ Selama dua tahun beliau mengasah ilmunya di Mekah, sehingga pada tahun 1938 beliau kembali ke tanah air dan ketika itu khidmatnya sangat diperlukan untuk menggantikan KH. Cholil yang setahun kemudiannya meninggal dunia.

2.2.2 Perkahwinan dan Keluarga

Bukan sesuatu yang menghairankan jika Bisri Mustofa amat gigih dalam menuntut ilmu kerana ternyata pimpinan Pondok Pesantren tempat beliau mengaji menjadikannya sebagai menantu. Maka sudah tentu di bahunya tergalas beban yang sangat berat dan sebagai penerus perjuangan KH. Cholil, beliau mesti mempersiapkan diri terutamanya dalam membekalkan dirinya dengan ilmu dalam semua bidang.

Pada tahun 1935, dalam usia 20 tahun Bisri Mustofa menikah dengan anak dara berumur 10 tahun yang bernama Ma'rufah iaitu anak perempuan kepada KH. Cholil yang merupakan guru pertamanya. Dari pernikahan tersebut Bisri Mustofa mendapat lapan zuriat iaitu: Cholil (lahir tahun 1941), Mustofa (lahir tahun 1943), Adib (lahir tahun 1950), Faridah (lahir tahun 1952), Najichah (lahir tahun 1955), Labib (lahir tahun 1958), dan Atikah (lahir tahun 1964). Seiring dengan perjalanan waktu, tanpa pengetahuan keluarganya termasuk isterinya, Bisri Mustofa berkahwin lagi dengan seorang perempuan asal Jawa Tengah bernama Umi Atiyah dan hasil dari perkahwinan tersebut beliau mendapat seorang cahaya mata yang bernama Maemun.⁴²

⁴¹ Mastuki HS *et.al*, *op.cit.*, h. 73.

⁴² Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 22.

2.2.3 Pekerjaan

KH. Bisri Mustofa seorang yang sangat cekal dalam hidupnya, apatah lagi setelah kewafatan ayahnya beliau terpaksa berdikari. Sejak belajar di pondok lagi beliau sudah bermiaga mencari wang dengan menjual kitab yang diambil dari kedai milik abangnya, H. Zuhdi. Hasil daripada penjualan buku-buku tersebut digunakan untuk membayar yuran pondok. Salah satu lagi usaha untuk menyara keluarganya adalah dengan menulis buku. Ini kerana beliau memang sangat gemar dengan karya penulisan. Adapun kerjaya beliau selain seorang pendidik di Pondok Pesantren, beliau juga bekerja sebagai kakitangan kerajaan. Pada tahun 1943, Jepun membentuk sebuah jawatan bernama *Shumubu*⁴³ untuk menjawat sebagai ahli jawatan kuasa *Shumuka* daerah Pati. Oleh kerana beliau merasakan gajinya tidak mencukupi, maka untuk memenuhi keperluan keluarganya beliau bekerja membuat perusahaan beg tangan. Namun, tidak lama kemudian beliau berhenti dari bekerja *Shumuka* dan kemudiannya kembali ke Rembang atas permintaan KH. Abu Bakar Pamotan. Di Rembang beliau bekerja semula dengan membuka perusahaan jual beli garam. Namun begitu, beliau tidak bekerja lama kerana mengalami kerugian setelah penjajah Belanda menyekat penghantaran satu kontena garam dari Rembang ke Babat. Pada tahun 1949 beliau dilantik sebagai ketua Pejabat Urusan Agama.⁴⁴

2.2.4 Pendirian

Dalam dunia pemikiran terdapat beberapa aliran. Ada kelompok tektualis (*zāhirī*) yang menjadikan al-Qur'ān dan Hadīth sebagai panduan dan berfikir. Kelompok ini selari dengan pemikiran A. Hassan yang mengambil hukum hakam hanya dengan berlandaskan

⁴³ *Shumubu*, adalah berasal dari bahasa jepun yang bererti ibu pejabat hal ehwal agama, untuk pejabat daerah disebut *Shumuka*. Lihat: Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 29.

⁴⁴ Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 44.

al-Qur'ān dan Hadīth. Ada kelompok rasionalis yang selalu memberikan interpretasi ke atas teks-teks keagamaan semata-mata berasaskan kemampuan akal. KH. Bisri Mustofa tidak termasuk dalam dua-dua aliran tersebut kerana beliau memilih moderat sama ada dalam sikap menyelesaikan masalah yang berhubung kait dengan permasalahan sosial mahupun agama. Hal tersebut dapat diketahui dari sikapnya yang selalu mengedepankan kemaslahatan dan kebaikan daripada perbalahan dan perpecahan. Ketika kebanyakan ulama dan organisasi termasuk A. Hassan dan Persis menentang idea *nasakom* yang dicetuskan oleh Soekarno, KH. Bisri Mustofa amat menyokong idea tersebut. Beliau menyokong idea berdasarkan alasan yang kuat. Menurut KH. Bisri Mustofa bahawa ketika sesebuah pemerintahan terdiri daripada kekuatan masyarakat yang majoriti, maka pemerintahan tersebut akan menjadi kuat dan kukuh. Untuk menyokong pandangannya itu, beliau juga menggunakan dalil hadīth yang diriwayatkan oleh Anas RA. yang bermaksud: “Sesungghnya ulama di bumi ini seperti bintang-bintang di langit, dengan dia umatku mendapatkan petunjuk di dalam kegelapan, sama ada di darat mahupun di laut”.⁴⁵ Dari hadith tersebut KH. Bisri menjelaskan bahawa bergabungnya NU dengan *nasakom* diharapkan akan mampu memberikan sumbangan yang besar dan menjadi orang tengah bagi semua konflik yang ada, sehingga ulama yang bagaikan bintang itu boleh memberikan cahaya yang menyinari kegelapan politik yang ada pada waktu itu.

⁴⁵ Matan Hadīth secara lengkap

عن أنس بن مالك قال قال النبي صلى الله عليه وسلم إن مثل العلماء في الأرض كمثل النجوم في السماء يهتدي بها في ظلمات البر والبحر فإذا انطمس النجوم أو شُكَّ أن يضل الماء

Diriwayatkan oleh Imām Ahmad, dalam periyawatannya terdapat nama Rashdīn bin Sa'ad dan Abū Hafas sahabat kepada Anas yang tidak diketahui secara pasti identitinya (*majhūl*). Oleh sebab itu, kesahihan hadīth ini masih diperselisihkan . Lihat: Haythamī, ‘Alī bin Abī Bakr al- (1407 H.), *op.cit.* , j.1, h. 121

Jika ada kesan bahawa ulama NU terkenal dengan keterbelakangan mereka dan digelar sebagai masyarakat *jumūd*,⁴⁶ maka KH. Bisri sebaliknya. Beliau setiap kali mengambil keputusan, beliau akan sentiasa menyesuaikan keputusan tersebut dengan konteks masa dan keadaan yang melatarbelakanginya serta mempertimbangkan kemaslahatan dan kemudaratannya bagi umat. Secara umumnya, hukum -mengikut pandangannya- tidak berlaku secara kaku dan mutlak semuanya tergantung kepada '*illat* yang melingkupinya.⁴⁷ Pemikiran KH. Bisri Mustafa yang amat kontekstual ini salah satunya dapat dibuktikan ketika beliau membenarkan kegiatan bermain dram yang diharamkan oleh kalangan ulama NU sendiri kerana alasan bid'ah. Kebolehan *drumben* yang dicetuskan KH. Bisri kerana pada waktu itu politik Indonesia sedang dalam keadaan kucar-kacir dengan kebangkitan pemberontakan PKI (Parti Komunis Indonesia). Di Jawa secara khususnya pergerakan menentang PKI banyak dilakukan oleh para pelajar, dengan tujuan merangsang semangat kaum muda. Dengan itu untuk melawan pencerobohan PKI, KH. Bisri membenarkan penggunaan dram tersebut.

Contoh lain, ideanya yang moderat itu dapat dilihat ketika membolehkan *tanzīm al-Usrah* (Merancang Keluarga),⁴⁸ yang pada saat itu kebanyakan ulama mengharamkannya

⁴⁶ Sehingga kini masih ada kelompok tradisional berpegang kuat kepada teks sahaja, bahkan melampau dengan menolak pelajaran selain agama seperti sains, matematik dan sebagainya.

⁴⁷ Kaedah *uṣūl fiqh* popular "الحکم يدور مع عنته وجوداً وعديماً"

⁴⁸ Perkara ini sudah terjadi di zaman Rasulullah saw, seperti yang terdapat dalam hadith yang diriwayatkan oleh Jabir ra : عن حَاجِرٍ قَالَ كُنْتَ تَعْرُلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا دَرَكَنِي اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَتَهَمَّنَا :

Fenomena merancang kehamilan pada saat ini banyak menggunakan cara moden seperti pil perancang, implanon, injection dan sebagainya. *Tanzīm al-Usrah* dibenarkan dalam Islam atas sebab-sebab berikut:

1. Agar si ibu mempunyai tempoh masa yang cukup untuk menghadapi anak yang akan datang dan tempoh untuk menyusui anak yang pertama itu sempurna selama dua tahun sebagaimana menurut ajaran al-Qur'an al-Karim. Selain itu, dengan menyusun jadual kehamilan bagi tempoh 2-3 tahun bagi setiap kehamilan , lebih memberikan kekuatan dan tenaga kepada si ibu. Rujuk dan pelajari Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah , ayat 233.
2. Jika si ibu itu lemah fizikalnya , tidak berupaya untuk selalu bersalin.
3. Jika si ibu itu ataupun si bapa mempunyai “ penyakit keturunan “ yang boleh menjangkiti si anak yang bakal dilahirkan.
4. Terdapatnya sebab-sebab ekonomi bagi sesbuah keluarga itu , seperti keadaan susah dan miskin . Perkara ini diistilahkan oleh ulama' , khasnya oleh Ḥujjat al-Islām, Imām Al-Ghazālī sebagai :

dalam bentuk apa jua cara pun, akan tetapi KH. Bisri Mustofa dengan menggunakan pendekatan logik membolehkan KB (istilah Indonesia: Keluarga Berencana) dengan alasan bahawa manusia diperbolehkan untuk melakukan *ikhtiyār* (usaha), bahkan -mengikut pandangannya- usaha manusia merupakan sesuatu yang menonjol berbanding dengan kehendak dan kekuasaan mutlak Allah. Selanjutnya beliau memberi analogi, bahawa jika jumlah makanan untuk setiap ahli keluarga hanya mampu sebanyak empat pinggan nasi, maka hendaklah setiap ahli keluarga itu tidak menambah lagi anggota keluarganya. Penambahan anggota keluarga tanpa terancang bererti mengurangkan jumlah anggota keluarga.⁴⁹

2.2.5 Masa Perjuangan dan Politik

Jika A. Hassan hidup dalam dua masa penjajahan Belanda dan pemerintahan Soekarno, maka KH. Bisri Mustofa hidup pada tiga masa iaitu; masa penjajahan, masa pemerintahan Soekarno, dan masa pemerintahan Soeharto. Seperti mana yang telah disebutkan penulis pada bab sebelumnya bahawa A. Hassan selalu berpolemik dan tidak selari dengan pemikiran Soekarno bermula daripada permasalahan Islam dan kebangsaan,⁵⁰

⁴⁹ "الخوف من الوقوع في الضيق بسبب كثرة الأولاد" yang bermaksud : Bimbang terjerumus ke dalam lembah kesusahan disebabkan ramainya anak.

5. Si ibu itu sememangnya mempunyai penyakit, dan jika dia bersalin lagi, penyakit yang dideritai itu akan lambat sembah, atau tidak sembah atau anak yang bakal dilahirkan itu dalam keadaan yang amat sukar. Apabila terdapatnya salah-satu daripada sebab-sebab di atas , dan ia sememangnya disahkan oleh orang yang 'alim di dalam agama, dengan kerjasama daripada seorang pakar perubatan yang amanah , maka *tanzīm al-USrah* ini harus dilakukan menurut pandangan Islam. Justeru sebab-sebab di atas itulah yang dijadikan dasar keharusan *tanzīm al-usrah* oleh KH. Bisri. Adapun *tahdīd al-Nasl* diharamkan oleh majoriti ulama dan ditegah oleh syarak kerana terjadi *ta'qīm* (proses pemandulan), sehingga tidak boleh mendapatkan zuriat lagi pada masa hadapan. Lihat: Ahmad al-Shirbāsī (t.t), *Yas alūnaka an al-Dīn wa al-Hayāt*, j.1. Beirut: Dār al-Jīl, h. 234-243

⁵⁰ KH. Bisri Mustofa (1970), *Islam dan Keluarga Berencana*, Jawa Tengah: BKKBN, h. 12

50 Jika dalam fasal sebelumnya disebutkan bahawa A. Hassan amat menentang fahaman kebangsaan sekular, maka walaupun tidak berpolemik secara langsung, KH. Bisri mempunyai cara pandangan yang tersendiri tentang negara. Menurutnya syari'at Islam mestи diterapkan dalam masyarakat namun tidak harus dengan secara formal dalam bentuk Negara Islam. Beliau juga tidak menjadikan lima dasar falsafah kenegaraan Republik Indonesia itu masalah dasar negara dan wawasan nasional bagi masyarakat Lihat: Achmad Zainal

idea *nasakom* dan sebagainya. Manakala Bisri Mustofa mempunyai pandangan lain dan beliau nampaknya menyokong Soekarno bahkan sempat tampil dalam sistem pemerintahan dan pernah menjadi ahli parlimen parti NU yang diketuainya. Setelah Belanda menyerahkan secara rasmi kedaulatan Indonesia pada 27 Disember 1949, dan Indonesia memasuki babak baru untuk berdikari mentadbir sebuah negara, maka bermula pada tahun 1950 parti-parti pembangkang telah menyusun strategi untuk menghadapi pilihan raya. Semua parti berusaha sedaya upaya untuk memenangkan pemilihan raya dengan berkempen mengikut cara masing-masing. Persaingan paling sengit pada waktu itu, terjadi di antara empat parti besar iaitu PNI, Masyumi, NU, dan PKI. KH. Bisri Mustofa menjadi juru kempen paling hebat dalam parti NU dan menjadi salah seorang calon anggota konstituante.⁵¹

Dalam pilihan raya yang berlaku pada 29 September 1955, parti NU mendapat pungutan suara yang memberangsangkan. Dengan kemenangan NU tersebut KH. Bisri Mustofa terpilih menjadi anggota konstituante. Sebelum itu beliau mendapat tawaran supaya menjadi ahli parlimen, akan tetapi beliau tidak menerima tawaran tersebut dengan alasan bahawa menjadi ahli parlimen memerlukan banyak masa, beliau lebih memilih menjadi anggota konstituante kerana dengan demikian beliau boleh membahagi masa antara mengurus Negara sebagai anggota suruhanjaya dan mengajar sebagai yang dipertua Pondok Pesantren.⁵²

Huda, *op.cit.*, h. 108. Di sini beliau jelas berbeza pandangan dengan A. Hassan yang menginginkan tertubuhnya khilafah Islamiyyah. Justeru menurut A. Hassan menghormati patung, bendera, lagu adalah perbuatan yang tidak dibenarkan dalam agama kita. Lihat: A. Hassan (1984), *op.cit.*, h. 56-58.

⁵¹ Konstituante adalah suruhanjaya yang merangka perlombagaan. Lihat: Kamus Dewan Edisi Ketiga, *op.cit.*, h. 702. Mesyuarat konstituante pertama dilaksanakan di Gedung Merdeka Bandung

⁵² Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 49.

Tragedi berdarah 30 September 1965 menjadi bukti keganasan PKI (Parti Komunis Indonesia) yang telah membunuh ramai askar dan guru-guru agama. Akhirnya pada 5 Oktober 1965, KH. Idham Khalid dari parti NU dengan beraninya menuntut supaya dibubarkan parti PKI. Pernyataan NU ini kemudian disambut dan diikuti oleh parti-parti lainnya. KH. Bisri Mustofa juga turut serta membanteras jenayah terbesar dalam sejarah pergolakan yang terjadi di Indonesia. Pada 11 Mac 1966. Soekarno mengeluarkan *supersemar* (Surat Perintah 11 Mac) kepada Soeharto untuk mengambil langkah-langkah strategik dalam mengatasi keamanan dan gejolak yang terjadi. Kemudian pada 12 Mac 1966 Soeharto, pembawa amanat Supersemar, membubarkan PKI dan seluruh organisasi yang bernaung di bawahnya. Setelah itu pada 9 Februari 1967 MPRS membicarakan resolusi Nurdin Lubis dari parti NU yang menuntut penurunan Soekarno sebagai Presiden dan menunjukkan Soeharto sebagai pejabat Presiden. Maka pada 8-11 Mac 1967 Soekarno meletakkan jawatan, dan Soeharto dilantik sebagai Presiden kedua Indonesia. Dalam pelantikan itu yang memimpin bacaan doa adalah KH. Bisri Mustofa.⁵³

Di era Soeharto ini, keadaan politik tidak sihat kerana menerapkan dua unsur yang menyebabkan pemerintah akhirnya bertindak tidak demokratik: *Pertama*, mengendalikan keterbabit rakyat dalam politik, sehingga pilihan raya tidak boleh dijadikan ukuran dalam melihat penyertaan rakyat. *Kedua*, penyekatan terhadap organisasi-organisasi Islam yang dianggap sebagai pembangkang. Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh parti pihak berkuasa Golkar (Golongan Karya) bagi menyekat parti pembangkang mendapat undi banyak, akan tetapi pada pilihan raya 1971 parti NU mendapat majoriti undi di daerah pemilihan Jawa Tengah dan berjaya membawa KH. Bisri menjadi anggota dewan MPR

⁵³ Di antara doa yang dibacakan oleh KH. Bisri Mustofa dalam majlis tersebut “ Ya Allah..Engkau memberikan kekuasaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau menjatuhkan kekuasaan seseorang sesuai dengan yang Engkau kehendaki pula”. Lihat: Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 52.

mewakili parti NU. Pada pilihan raya 1977 keadaannya sama dengan pilihan raya sebelumnya bahkan pemerintah menyempitkan sistem kepartian dengan cara menetapkan penggabungan bagi sembilan parti politik, sembilan parti tersebut didesak untuk berkongsi menjadi dua parti politik iaitu PPP (Parti Persatuan Pembangunan) dan PDI (Parti Demokrasi Indonesia). PPP merupakan gabungan daripada parti-parti Islam, iaitu: NU, Parmusi, Perti, dan PSII. Sedangkan PDI merupakan gabungan daripada parti-parti seperti PNI, Parkindo, dan Parti Katolik.⁵⁴ Setelah dilaksanakan strategi tersebut, maka PPP menjadi destinasi terakhir dalam dunia perjuangan dan politik KH. Bisri Mustofa.

2.2.6 Aktiviti Dakwah

Perjuangan KH. Bisri Mustofa tidak terhad di medan politik sahaja, beliau tidak melupakan aktivitinya sebagai seorang ulama untuk berjuang di medan dakwah. Sebagai seorang pendakwah, beliau tidak pernah menolak tawaran untuk berceramah sama ada di kalangan masyarakat desa maupun masyarakat kota. Dalam berdakwah beliau selalu menyesuaikan keadaan pendengar atau keadaan yang menjadi latar belakang pendengarnya. Bahan yang disampaikan olehnya itu mudah difahami, kritikan-kritikannya amat tajam tapi tidak menyinggung perasaan kerana disampaikan dengan sopan dan menyenangkan. Sesiapa yang mendengarkan ceramahnya akan berpuas hati dan tidak merasa bosan kerana beliau pandai menyelitkan ceramahnya dengan unsur kelakar. Kerana kehebatannya itu, beliau mendapat gelaran “singa podium” dalam berceramah.⁵⁵

⁵⁴ Saifulloh Ma’sum (1998), *Karisma Ulama: Kehidupan Ringkas 26 Tokoh NU*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 328.

⁵⁵ <http://www.suaramerdeka.com/alibriz.html>, 10 Julai 2006

2.2.7 Keperibadian

KH. Bisri Mustafa berbadan tinggi, besar dan gagah. Beliau selalu kemas dalam berpakaian dan menyesuaikannya dengan keadaan. Ketika di pejabat dan majlis-majlis rasmi yang dihadiri oleh ahli jawatan pemerintahan, beliau sentiasa berpakaian songkok, baju kemas, tali leher, kot lengkap dengan kasut. Akan tetapi ketika berceramah dan mengajar, beliau selalu memakai jubah dan serban. Di antara sifat-sifat keteladanan yang menonjol darinya adalah:

- (a) Amat prihatin terhadap para penuntutnya.

Hal ini terbukti ketika mendapat jemputan untuk berceramah dan tidak dapat mengajar anak muridnya. Sebelum memulakan ceramah beliau selalu berdo'a "Ya Allah, apabila amal dakwah ini Engkau terima, berikanlah keterbukaan ilmu kepada murid-murid dan anak-anakku sebagai ganti imbalannya". Selepas mengisi ceramah, walaupun dalam apa jua keadaan beliau berusaha menyempatkan dirinya untuk mengajar.⁵⁶

- (b) Suka Menderma

Ada beberapa orang yang memanfaatkan kedermawannya dengan berpura-pura memerlukan pertolongan. Walaupun KH. Bisri mengetahui hal itu, beliau tetap memberikan bantuan. Salah satu bukti kedermawannya juga beliau sekiranya makan tidak pernah sendirian dan pasti akan turut menjamu jiran atau rakan. Setiap kali beliau pergi mengerjakan solat subuh beliau tidak lupa membawa wang yang kemudiannya di masukkan ke dalam rumah orang yang beliau kehendaki tanpa pengetahuan pemilik rumah tersebut.

⁵⁶ <http://www.gusmus.net/mbahbisri.html>, 13 April 2006

(c) Berpendirian teguh

Sikap ini merupakan aplikasi daripada Hadith bahawa “Seorang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah”.⁵⁷ Sikap beliau ini boleh dibuktikan dengan pendiriannya yang menolak permintaan Soeharto ketika memujuk beliau untuk bergabung dengan parti Golkar, bahkan Soeharto berjanji akan mengangkatnya sebagai menteri dan akan memberikan bantuan berupa pembangunan gedung pesantren jika KH. Bisri menerima tawaran tersebut. Ini kerana Soeharto melihat kemampuan KH. Bisri dalam memikat penyokong untuk kepentingan partinya. Akan tetapi tawaran tersebut tidak diterima olehnya.⁵⁸

(d) Suka bergaul dengan orang-orang kecil atau rakyat bawahani

Beliau patut diberi perhargaan sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat. Sikap seperti ini amat jarang didapati, kerana kebiasaannya orang-orang besar selalu menjaga imej. Semakin tinggi kedudukan seseorang, semakin jauh dengan golongan bawahani. Akan tetapi hal ini tidak berlaku kepada KH. Bisri Mustofa. Beliau merupakan tokoh yang populis,⁵⁹ yang prihatin terhadap hak-hak rakyat kecil, tidak pernah membezakan pergaulan, bahkan beliau pernah makan bersama orang-orang yang dipinggirkan masyarakat.⁶⁰

(e) Menghormati ulama dan orang cergas

Beliau amat menghormati orang yang memiliki kecerdasan, hal ini dapat dibuktikan dengan sikap keprihatinannya kepada pelajar yang cemerlang dalam pelajarannya. Penghormatannya kepada ulama apatah lagi kepada guru yang telah memberikan ilmu sangat tinggi kerana guru telah banyak memberikan ilmu. Kejayaan

⁵⁷ Matan Hadiih secara sempurna diriwayatkan oleh Ibn Mājah:

عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم المؤمن القوى خير وأحب إلى الله من المؤمن الضعيف وفي كل خير احرص على ما ينفعك واسمعن بالله ولا تمحى
فإن أصابك شيء فلا تقل لو أني فعلت كذا وكذا ولكن قل قدر الله وماشاء فعل فإن لو تفتح عمل الشيطان

Lihat: Qazwīnī Muhammad bin Yazīd Abu Abdillāh al- (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 31

⁵⁸ Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 76.

⁵⁹ Populis; penganut fahaman populism iaitu faham yang yang mengakui dan menjunjung tinggi hak, kearifan dan keutamaan rakyat kecil. Lihat: Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Ketiga, *op.cit.*, h. 889

⁶⁰ Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 77.

seseorang tidak dapat dipisahkan daripada kejayaan gurunya yang telah menjadikan seseorang itu dapat meraih kecemerlangan. Sebagai membala budi kepada jasa gurunya itu, beliau berusaha mengamalkan ilmunya dan mengajarkan kepada orang lain serta selalu berdoa agar kebaikan sentiasa mengiringi gurunya.⁶¹

2.2.8 Hasil Karya

Menulis adalah merupakan salah satu kegemaran KH. Bisri Mustofa walaupun beliau amat sibuk, berikutan perjalanan hidupannya yang mencabar. Bahkan menulis dijadikan kerehatan atas segala kepenatan dan solusi ke atas tantangan yang mencabar. Lebih 100 tajuk termasuk karya-karya yang tidak diterbitkan bahasa Indonesia, Arab, dan Jawa dalam pelbagai bidang telah dihasilkannya. Beberapa karya beliau adalah:

A. Bidang Tafsir

1. *al-Ibrīz Li Ma'rifati Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*
2. *al-Iksīr* (pengantar kepada ilmu tafsir)
3. *Tafsir Surah Yāsīn*

B. Bidang Hadith

1. *Sullam al-Afhām* (4 Juzuk terjemah dan penjelasan Hadīth Ahkām)
2. *al-Azwad al-Mustafawiyah* (Tafsir Hadīth Arba'īn al-Nawāwī)
3. *al-Manzūmah al-Bayqūnī* (Mustalah Hadīth)

⁶¹ Achmad Zainal Huda, *op.cit.*, h. 77.

C. Bidang Aqidah

1. *Rawihah al-Aqwam*
2. *Durar al-Bayān*

D. Bidang Syariah

1. *Sullam al-Afhām li Ma'rifah Adillah al-Ahkām Fī Bulugh al-Marām*
2. *Qawā'id Bahiyyah* (Tuntunan Solat dan Manasik Haji)
3. *Islam dan Solat*

E. Bidang Akhlaq dan Tasawuf

1. *Wasāya Ābā' li al-Abnā'*
2. *Syair Ngudi Susilo*
3. *Mitra Sejati*
4. *Qasīdah al-Ta'līqah al-Mufīdah*

F. Bidang Bahasa Arab

1. *Jurumiyyah*
2. *Nazam 'Imrītī*
3. *Alfiyyah Ibn Mālik*
4. *Nazam al-Maqṣūd*
5. *Syarh Jawhar Maknūn*

G. Bidang Mantiq

1. *Terjemah Sullam al-Munawwaraq*

H. Sejarah

1. *al-Nibrās*
2. *Tarīkh al-Anbiyā'*
3. *Tarīkh al-Auliya'*

I. Bidang-bidang lain

1. *Imām al-Dīn*
2. *Tiryaq al-Aghyar*
3. *al-Haqībah*
4. *al-'Izah al-Jumu'iyyah*
5. *Islam dan Keluarga Berencana*
6. *Kashkūl*
7. *Syi'ir-syi'ir*
8. *Naskah Sandiwara*
9. *Metode Berpidato*

2.2.9 Kematian

Setelah 62 tahun lebih kurang bergiat aktif dalam dakwah dan perjuangan, beliau telah dipanggil Allah untuk selama-lamanya. Seminggu sebelumnya, pada tarikh 2 Februari 1977 KH. Bisri masih sempat menyampaikan ceramah di Kragan Rembang. Tiga hari kemudian iaitu pada tarikh 5 Februari 1977, beliau berceramah di Gedung Sukan Semarang sempena majlis hari jadi PPP (Parti Persatuan Pembangunan). Tidak lama setelah itu beliau menghidap penyakit darah tinggi dan dimasukkan ke wad untuk rawatan rapi di Hospital Dr. Karyadi Semarang. Keadaannya semakin tenat dan degup jantungnya sudah tidak normal lagi. Walaupun doktor sudah berusaha sedaya upaya untuk menyembuhkannya

namun Allah telah menghendaki sebaliknya. Akhirnya tepat pada hari Rabu tarikh 17 Februari 1977 KH. Bisri Mostofa meninggal dunia dengan tenang.⁶² Seorang tokoh yang telah tiada namun sentiasa dikenang, kegigihannya untuk meraih kejayaan dan semangat perjuangannya patut dijadikan tauladan oleh generasi Muslim, karya-karyanya amat berharga terutamnya *al-Ibrīz* yang akan dikaji oleh penulis. Penubuhan pondok Raudhatut Thalibin adalah merupakan bukti keprihatinannya dalam membina generasi Muslim yang bermoral dan berpendidikan. Pondok tersebut sekarang dipimpin dan diteruskan oleh anak kedua beliau yang bernama KH. Mustofa Bisri.

⁶² Achmad Zainal Huda (2005), *op.cit.*, h. 57.